

KETUPAT LONTONG SAJIAN JUADAH PAGI DAPUR RAYA RPWP

KETUPAT LONTONG – JUADAH PAGI INI DI DAPUR RAYA PRIHATIN. Satu lagi juadah pagi yang dinanti-nanti. Dengan lodeh dan...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Rabu, 25 Julai 2018](#)

DIROGOL PENDAKWAH DAN PRESIDEN NGO ISLAM

BILA NAFSU SUDAH MERAJA. Sejak akhir-akhir ini kita dilambakkan dengan gejala "harapkan pegar, pegar makan padi"...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Khamis, 26 Julai 2018](#)

KAUNTER ASNAF PROJEK PELANGI FOOD AID

KAUNTER ASNAF BANTUAN MAKANAN DI DAPUR RAYA PRIHATIN. Demi mencipta generasi anak-anak yang insaf dan prihatin, RPWP...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Khamis, 26 Julai 2018](#)

BILA PERBUATAN BAIK BERCAampur ADUK DENGAN KEMUNGKARAN

BILA PERBUATAN BAIK BERCAampur ADUK DENGAN KEMUNGKARAN. Baru-baru ini kecoh bila PU Amin tuliskan kekecewaannya terhadap...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Jumaat, 27 Julai 2018](#)

SIFAT TIDAK PEDULI TANDA DUNIA SEMAKIN SAKIT

Setiap kali melihat video ini, air mata akan menitis tanpa disedari. Begitu sekali manusia mementingkan diri sehingga...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Jumaat, 27 Julai 2018](#)

JENAYAH SEKSUAL PEMANDU BAS SEKOLAH

SELAMATKAN ANAK KITA DARI JENAYAH SEKSUAL BAS SEKOLAH – SIASAT DAN TELITI LATARBELAKANG PEMANDU BAS/VAN SEKOLAH...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Sabtu, 28 Julai 2018](#)

ULASAN BEKAS PELAJAR PERANTIS SNAP

Selain dari latihan profesional dalam bidang penggambaran, SNAP turut menitikberatkan pembentukan sahsiah dan akhlak...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Ahad, 29 Julai 2018](#)

AMANAT & MOTIVASI KHUSUS PENGETUA RPWP BUAT PELAJAR

PERANTIS SNAP

.
Dengan latar belakang pelajar yang berbagai rupa dan warna, maka Ayahanda Dr Hj Masjuki lontarkan amanat dan motivasinya dengan pelbagai gaya. Harus tonton seluruh rakaman ini untuk dapat keseluruhan mesej penting yang disampaikan.

.
Video ini bukan sahaja mampu membantu para ibubapa dan pelajar Perantis SNAP, malah buat sekalian ibubapa yang mungkin memerlukan motivasi untuk anak-anak kita.

.
Selain dari latihan profesional dalam bidang penggambaran, Program Perantis SNAP turut menitikberatkan pembentukan siyasa, sahsiah dan akhlak kepada para pelajarnya. Pengajian yang biasanya dijalankan selama 3-4 tahun hanya mengambil masa 3 bulan sahaja di Saiful Nang Academy.

.
Pengambilan seterusnya ialah pada 3 SEPT 2018 akan datang. (Terhad 30 orang sahaja).

.
Sila Whatsapp +6011 232 84 212, atau klik link berikut untuk pendaftaran atau keterangan lebih lanjut,

<https://www.facebook.com/snapclub/posts/1840319289340693>

.
Alhamdulillah,
WARGA PRIHATIN

[AMANAT & MOTIVASI KHUSUS PERANTIS SNAP](#)

AMANAT & MOTIVASI KHUSUS PENGETUA RPWP BUAT PELAJAR PERANTIS SNAP .Dengan latar belakang pelajar yang berbagai rupa dan warna, maka Ayahanda Dr Hj Masjuki lontarkan amanat dan motivasinya dengan pelbagai gaya. Harus tonton seluruh

rakaman ini untuk dapat keseluruhan mesej penting yang disampaikan..Video ini bukan sahaja mampu membantu para ibubapa dan pelajar Perantis SNAP, malah buat sekalian ibubapa yang mungkin memerlukan motivasi untuk anak-anak kita..Selain dari latihan profesional dalam bidang penggambaran, Program Perantis SNAP turut menitikberatkan pembentukan siyasa, sahsiah dan akhlak kepada para pelajarnya. Pengajian yang biasanya dijalankan selama 3-4 tahun hanya mengambil masa 3 bulan sahaja di Saiful Nang Academy..Pengambilan seterusnya ialah pada 3 SEPT 2018 akan datang. (Terhad 30 orang sahaja)..Sila Whatsapp +6011 232 84 212, atau klik link berikut untuk pendaftaran atau keterangan lebih

lanjut,<https://www.facebook.com/snapclub/posts/1840319289340693>.Alhamdulillah,WARGA PRIHATIN

Posted by [Warga Prihatin](#) on Rabu, 18 Julai 2018

ADA YANG TIDAK KENA BILA RAIS YATIM PUN TERPAKSA 'ANGKAT SUARA'

.
Jarang kita dapat dengar suara orang lama ini secara terbuka begini. Inilah tokoh pemimpin yang 'dibenamkan' oleh UMNO kerana berjuang hanya dengan ilmu dan prinsip. Tiada duit untuk tabur dedak sedangkan pemilihan pemimpin memang 'perluan' itu... kerana "CASH IS KING".

.
Meremang bulu roma apabila beliau singkap mengapa pengiktirafan UEC wajib ditentang. Silap pemimpin Melayu

sendiri yang 'lupa diri', bodoh dan malas berfikir.

.
Kini tulisan jawi contohnya sudah tidak diketahui lagi sehingga Utusan Melayu 'bungkus' kerana tiada pembaca. Hazanah ilmu melalui tulisan jawi pupus terus.

.
Pelbagai akhbar Cina pula kekal di pasaran kerana ada pembacanya. Pemimpin mereka pertahankan bahasa ibunda mereka. Kini mereka ingin menuntut pengiktirafan rasmi dalam kerangka sistem pendidikan Negara Malaysia pula.

.
Renung-renungkanlah. Tidak perlu lagi bercakap banyak. Tidak perlu lagi berhimpun lama... tertarik dengan pantun beliau,

KERANGKAP DI TEPI PERMATANG

PERMATANG ADA DI SANA

BERCAKAP JANGAN PANJANG

BERHIMPUN JANGAN LAMA

.
Bangunlah dari tidurmu wahai Me-layu...

Jadi cerdiklah, jangan biar diri diperbodohkan lagi dan lagi...

.
WARGA PRIHATIN

[ADA YANG TIDAK KENA BILA RAIS YATIM PUN TERPAKSA 'ANGKAT SUARA'](#)

ADA YANG TIDAK KENA BILA RAIS YATIM PUN TERPAKSA 'ANGKAT SUARA'. Jarang kita dapat dengar suara orang lama ini secara terbuka begini. Inilah tokoh pemimpin yang 'dibenamkan' oleh UMNO kerana berjuang hanya dengan ilmu dan prinsip. Tiada duit untuk tabur dedak sedangkan pemilihan pemimpin memang 'perluan' itu... kerana "CASH IS KING". Meremang bulu roma apabila beliau singkap mengapa pengiktirafan UEC wajib ditentang. Silap pemimpin Melayu sendiri yang 'lupa diri', bodoh dan malas berfikir. Kini tulisan jawi contohnya sudah tidak diketahui lagi sehingga Utusan Melayu 'bungkus' kerana

tiada pembaca. Hazanah ilmu melalui tulisan jawi pupus terus..Pelbagai akhbar Cina pula kekal di pasaran kerana ada pembacanya. Pemimpin mereka pertahankan bahasa ibunda mereka. Kini mereka ingin menuntut pengiktirafan rasmi dalam kerangka sistem pendidikan Negara Malaysia pula. .Renung-renungkanlah. Tidak perlu lagi bercakap banyak. Tidak perlu lagi berhimpun lama... tertarik dengan pantun beliau,KERANGKAP DI TEPI PERMATANGPERMATANG ADA DI SANABERCAKAP JANGAN PANJANGBERHIMPUN JANGAN LAMA.Bangunlah dari tidurmu wahai Melayu...Jadi cerdiklah, jangan biar diri diperbodohkan lagi dan lagi...WARGA PRIHATINWith – Warga Rpwp*****Kredit video: Alya Adriana

Posted by [Warga Prihatin](#) on Isnin, 30 Julai 2018

UEC TIDAK ADIL KATA PROF DATO DR TEO KOK SEONG

Sebenarnya orang yang berakal sihat akan nampak kebenaran apa yang diutarakan. Terima kasih Prof.

.
Yang enggan menerima hakikat ini hanya pentaksub politik yang sudah 'hilang akal' kerana telah menjadikan parti dan pemimpin sebagai sembahan.

.
WARGA PRIHATIN

[UEC TIDAK ADIL KATA PROF DATO DR TEO KOK SEONG](#)

UEC TIDAK ADIL KATA PROF DATO DR TEO KOK SEONG.Sebenarnya orang yang berakal sihat akan nampak kebenaran apa yang

diutarakan. Terima kasih Prof..Yang enggan menerima hakikat ini hanya pentaksub politik yang sudah 'hilang akal' kerana telah menjadikan parti dan pemimpin sebagai sembah..WARGA PRIHATINWith – Warga Rpwp

Posted by [Warga Prihatin](#) on Isnin, 30 Julai 2018

BILA PEMIMPIN SUDAH TIDAK PANDAI JAGA MULUT

[BEGINILAH 'BILA KADUK SUDAH NAIK JUNJUNG'](#)

*BILA PEMIMPIN SUDAH TIDAK PANDAI JAGA MULUT – ISU KENYATAAN M.KULASEGARAN, MENTERI SUMBER MANUSIA, NAIB PRESIDEN DAP: INDIA PENDUDUK ASAL, MELAYU ADALAH PENDATANG.*Berikut adalah terjemahan ucapan M.Kulasegaran oleh Kiridaren Jayakumar..*"Sejarah buku teks kata kita datang ke sini 130 tahun. Ia tidak betul. Bilakah kita datang ke sini? 2500 tahun lalu. Manakah bukti itu? Boleh lihat di Lembah Bujang. Terdapat pelbagai kuil yang tertanam. Dari sejarah silam tersebut, mereka (Melayu) adalah pendatang, bukan kita. Kita dan mereka adalah sama. Tapi kita sudah lupa sekarang. Tanyalah pelajar-pelajar sekarang, berapa lamakah hubungan Hindu, mereka akan jawab 100 tahun, cikgu kita yang ajar. Cikgu yang berkata sebegitu perlu diketuk kepala, disebabkan negara kita ada had sebegitu sahaja. Jika anda pergi ke Lembah Bujang sekarang, amat jelas ada bukti hubungan kita. Kita perlu bercakap dengan semua orang dan masyarakat kita. Baru kita tahu tiada bezanya kita dengan mereka. Kita juga berhak untuk tinggal sini, ini adalah tanah ibu kita. Tiada yang lain, jika anda berfikir 2,500 tahun lalu, bagaimanakah*

keadaanya, kita ada segala hak. Jangan berputus asa."Kiridaren Jayakumar berpendapat hal ini sebenarnya assinasi politik atau karakter M.Kulasegaran. Ini adalah disebabkan kecuaiannya dan menjadi satu teladan untuk ahli politik agar sentiasa berfikir sebelum bercakap..MULANYA NAFIKAN, AKHIRNYA TARIK BALIK KENYATAAN.Mulanya M Kula Segaran menafikan kenyataannya dan menuduh akhbar sengaja memutarbelitkan fakta. .Selepas video ucapannya viral dan beliau dikecam pelbagai pihak, beliau akhirnya membuat keputusan untuk menarik balik kenyataannya seperti video yang telah tular..Beliau mendakwa menarik balik kenyataan itu kerana enggan kontroversi itu terus membarah..Beliau juga meminta maaf dan mengatakan sebelum ini beliau tidak pernah mencipta kontroversi dengan mempertikaikan perbezaan kaum dan agama di negara ini.."Saya akan selalu menjunjung perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.."Perkataan seperti 'sesumpah'. Maksudnya selalu berbeza seperti perkataan 'pendatang' yang saya ucapkan dalam bahasa Tamil baru-baru ini..Tambah Ahli Parlimen Ipoh Barat ini, ucapannya di Nilai baru-baru ini telah disalah erti yang mendakwa beliau menggunakan perkataan 'pendatang' merujuk kepada orang Melayu.."Saya dengan ini meminta maaf di atas wujudnya rasa terluka kepada sesiapa sahaja dengan kenyataan tersebut," ujarnya..Sumber – Sinar Harian Online.KESIMPULAN.M Kula Segaran keliru antara isu Bangsa atau etnik peribumi dengan isu agama. Yang beliau klaim sudah bertapak 2500 tahun di bumi yang namanya sahaja pun TANAH MELAYU ini adalah agama Hindu, bukan etnik 'India' yang datang kerana berdagang atau dibawa masuk oleh British untuk bekerja di ladang getah.. Beliau juga seharusnya menasihati 'kaum'nya agar sentiasa bersyukur kerana diberikan hak kerakyatan dan dilayan dengan baik oleh pribumi Malaysia. .Bandingkan dengan rakyat Rohingya yang juga dibawa masuk oleh British ke Burma. Setelah Burma ditinggalkan, mereka dibiarkan terkantong kanting tanpa diberikan sebarang hak sebagai rakyat Burma..Semoga kekeruhan ini tidak berlarutan. Berhati-hatilah para pemimpin sekalian dalam melontarkan

ucapan..WARGA PRIHATINWith – Warga Rpwp

Posted by [Warga Prihatin](#) on Isnin, 30 Julai 2018

BILA PEMIMPIN SUDAH TIDAK PANDAI JAGA MULUT – ISU KENYATAAN M.KULASEGARAN, MENTERI SUMBER MANUSIA, NAIB PRESIDEN DAP: INDIA PENDUDUK ASAL, MELAYU ADALAH PENDATANG

.
Berikut adalah terjemahan ucapan M.Kulasegaran oleh Kiridaren Jayakumar.

.
“Sejarah buku teks kata kita datang ke sini 130 tahun. Ia tidak betul. Bilakah kita datang ke sini? 2500 tahun lalu. Manakah bukti itu?

Boleh lihat di Lembah Bujang. Terdapat pelbagai kuil yang tertanam. Dari sejarah silam tersebut, mereka (Melayu) adalah pendatang, bukan kita.

Kita dan mereka adalah sama. Tapi kita sudah lupa sekarang. Tanyalah pelajar-pelajar sekarang, berapa lamakah hubungan Hindu, mereka akan jawab 100 tahun, cikgu kita yang ajar.

Cikgu yang berkata sebegitu perlu diketuk kepala, disebabkan negara kita ada had sebegitu sahaja.

Jika anda pergi ke Lembah Bujang sekarang, amat jelas ada bukti hubungan kita. Kita perlu bercakap dengan semua orang dan masyarakat kita. Baru kita tahu tiada bezanya kita dengan mereka.

Kita juga berhak untuk tinggal sini, ini adalah tanah ibu kita. Tiada yang lain, jika anda berfikir 2,500 tahun lalu, bagaimanakah keadaanya, kita ada segala hak. Jangan berputus asa.”

Kiridaren Jayakumar berpendapat hal ini sebenarnya assinasi

politik atau karakter M.Kulasegaran. Ini adalah disebabkan kecuiaan beliau dan menjadi satu teladan untuk ahli politik agar sentiasa berfikir sebelum bercakap.

MULANYA NAFIKAN, AKHIRNYA TARIK BALIK KENYATAAN

Mulanya M Kula Segaran menafikan kenyataan kontroversinya dan menuduh akhbar sengaja memutarbelitkan fakta.

Selepas video ucapannya viral dan beliau dikecam pelbagai pihak, beliau akhirnya membuat keputusan untuk menarik balik kenyataan kontroversinya seperti video yang telah tular.

Beliau mendakwa menarik balik kenyataan itu kerana enggan kontroversi itu terus membarah.

Beliau juga meminta maaf dan mengatakan sebelum ini beliau tidak pernah mencipta kontroversi dengan mempertikaikan perbezaan kaum dan agama di negara ini.

“Saya akan selalu menjunjung perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Perkataan seperti ‘sesumpah’. Maksudnya selalu berbeza seperti perkataan ‘pendatang’ yang saya ucapkan dalam bahasa Tamil baru-baru ini.

Tambah Ahli Parlimen Ipoh Barat ini, ucapannya di Nilai baru-baru ini telah disalah erti yang mendakwa beliau menggunakan perkataan ‘pendatang’ merujuk kepada orang Melayu.

“Saya dengan ini meminta maaf di atas wujudnya rasa terluka kepada sesiapa sahaja dengan kenyataan tersebut,” ujarnya.

Sumber – Sinar Harian Online

KESIMPULAN

.
M Kula Segaran keliru antara isu Bangsa atau etnik pribumi dengan isu agama. Yang beliau klaim sudah bertapak 2500 tahun di bumi yang namanya sahaja pun TANAH MELAYU ini adalah agama Hindu, bukan etnik 'India' yang datang kerana berdagang atau dibawa masuk oleh British untuk bekerja di ladang getah.

.
Beliau juga seharusnya menasihati 'kaum'nya agar sentiasa bersyukur kerana diberikan hak kerakyatan dan dilayan dengan baik oleh pribumi Malaysia.

.
Bandingkan dengan rakyat Rohingya yang juga dibawa masuk oleh British ke Burma. Setelah Burma ditinggalkan, mereka dibiarkan terkontang kanting tanpa diberikan sebarang hak sebagai rakyat Burma.

.
Semuga kekeruhan ini tidak berlarutan. Berhati-hatilah para pemimpin sekalian dalam melontarkan ucapan.

.
WARGA PRIHATIN

With – [Warga Rpwp](#)

WAJARKAH NAIKKAN HAD USIA NIKAH

MENAIKKAN HAD USIA NIKAH – FAHAMI DAHULU HAKIKAT JAHILIYAH, SUNNAH JANGAN DIFITNAH. HUKUM ALLAH JANGAN DIUBAH...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Selasa, 31 Julai 2018](#)

BAPA TIRI ROGOL ANAK PEREMPUAN 8 TAHUN

MURID TAHUN 2 DIROGOL & DILIWAT AYAH TIRI. Di RPWP, kami paling curiga apabila anak yatim terbiar yang kami jaga sekian...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Rabu, 1 Ogos 2018](#)

Umrah atau Haji dahulu

.
Pastinya peluang menjadi tetamu Allah ke Tanah Haram menjadi impian buat setiap ummat Islam. Ikuti perkongsian menarik bersama Ustaz [Shauqi Hasan](#) merungkai persoalan-persoalan berkenaan Ibadah Umrah dan Haji. Jom tambah ilmu

Umrah atau Haji dahulu?. Pastinya peluang menjadi tetamu Allah ke Tanah Haram menjadi impian buat setiap ummat Islam...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Khamis, 2 Ogos 2018](#)

GEJALA MAKSIAT GADIS BAWAH UMUR BERLELUASA

GEJALA MAKSIAT GADIS BAWAH UMUR BERLELUASA- HOTEL BAJET MERAH UNTUNG DAN BERSUBAHAT- SELANGOR PULA NAIKKAN HAD USIA..

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Khamis, 2 Ogos 2018](#)

KEBOSANAN ANAK-ANAK JADI PUNCA KREATIVITI

Tidak ramai yang sedar fenomena di mana 'kebosanan' anak-anak juga adalah suatu yang berguna sebagai peransang imaginasi..

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Jumaat, 3 Ogos 2018](#)

Tidak ramai yang sedar fenomena di mana 'kebosanan' anak-anak juga adalah suatu yang berguna sebagai peransang imaginasi dan inisiatif mereka untuk 'mencipta' sesuatu.

Jika kita lorongkan kreativiti itu di jalan yang baik, maka baiklah hasilnya. Jika kita biarkan, mungkin mereka akan melakukan sesuatu yang tidak kita duga pula.

[Warga Rpwp](#)

SEKOLAH ALAM YANG AMAT MENYERONOKKAN

[SEKOLAH ALAM YANG AMAT MENYERONOKKAN](#)

SEKOLAH ALAM YANG AMAT MENYERONOKKAN.29 Julai lalu pasangan ini jemput anak-anak tadika untuk berekspedisi Sekolah Alam di

dusunnya.<https://www.facebook.com/akademiprihatin/videos/1877972028963933/>.Khamis lalu mereka jemput pula anak-anak besar dengan program yang sedikit berbeza. Kali ini mereka minta anak-anak 'bersihkan' semua buah yang telah ranum dan berguguran di dusunnya. Mereka minta juga anak-anak cantas dahan pokok rambutan itu agar tumbuh dahan dan daun yang baharu..Alhamdulillah. Lihatlah sendiri bagaimana seronoknya anak-anak yang turut serta dalam Sekolah Alam khas ini..Terima kasih kepada Uncle Anuar dan Auntie Noraini. Sesungguhnya Allah sahaja sebaik-baik pembalas budi...Warga Rpwp .

Posted by [Warga Prihatin](#) on Jumaat, 3 Ogos 2018

SEKOLAH ALAM YANG AMAT MENYERONOKKAN

.
29 Julai lalu pasangan ini jemput anak-anak tadika untuk berekspedisi Sekolah Alam di dusunnya.

<https://www.facebook.com/akademiprihatin/videos/1877972028963933/>

.
Khamis lalu mereka jemput pula anak-anak besar dengan program

yang sedikit berbeza. Kali ini mereka minta anak-anak 'bersihkan' semua buah yang telah ranum dan berguguran di dusunnya. Mereka minta juga anak-anak cantas dahan pokok rambutan itu agar tumbuh dahan dan daun yang baharu.

.
Alhamdulillah. Lihatlah sendiri bagaimana seronoknya anak-anak yang turut serta dalam Sekolah Alam khas ini.

.
Terima kasih kepada Uncle Anuar dan Auntie Noraini. Sesungguhnya Allah sahaja sebaik-baik pembalas budi.

.
.
[Warga Rpwp](#)

EKSPLORASI DUSUN DURIAN – SEKOLAH ALAM

EKSPLORASI DUSUN DURIAN – SEKOLAH ALAM. Hujung minggu yg lepas iaitu pada 29 Julai 2018, anak-anak pra sekolah Akademi Insan Prihatin (AIP) telah diberikan peluang untuk menjalani aktiviti eksplorasi ke dusun durian kepunyaan En Anuar dan Puan Noraini, atau lebih mesra di panggil Uncle dan Auntie. Dusun kepunyaan Uncle dan Auntie ini terletak di Kampung Lubuk Kelubi, Batu 19, Hulu Langat, Selangor. Perjalanan yg mengambil masa lebih kurang 45 minit dari tempat penginapan Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) di Sungai Ramal, Kajang. Semua anak yg terlibat dalam eksplorasi ke dusun durian ini amat teruja dan gembira kerana ini adalah pengalaman pertama buat mereka. Ketibaan Bas coaster yang membawa 20 orang anak-anak tadika berserta 3 orang murobbiah

dan seorang murobbinya ini disambut mesra oleh Uncle, Auntie serta sanak saudara mereka. Anak-anak dijamu dengan pelbagai juadah makanan yang telah disediakan termasuk buah durian yang sudah siap dikopek. Pertama kali menjejaskan kaki ke kawasan dusun yg lebih kurang 5 ekar keluasan keseluruhannya, membuatkan hati kami semua terpegun sebentar. Permandangannya yang sangat cantik, bersih dan nyaman. Di kiri kanananya terdapat pokok-pokok buluh serta daun keladi besar bagi mengindahkan dekorasi hiasannya membuatnya lebih cantik dan menarik. Selain pokok durian, terdapat juga pokok buah-buahan lain seperti rambutan, manggis, duku langsung, cempedak dan lain-lain. Di hujung kawasan dusun tersebut, terdapat beberapa ekor rusa yg dibela di kandangnya. Selain itu, ada juga binatang ternakkan lain seperti ayam, angsa, ternakan ikan talapia merah, ikan keli, udang dan lain-lain lagi. Anak-anak juga teruja melihat rumah lebah kelulut atau nama saintifiknya Meliponini. Teruja melihat rumah serta sarang yang dibina sendiri oleh komuniti lebah ini. Jangka hayatnya 40 hari dan kemudiannya lebah-lebah tersebut akan mati. Namun hasil madu yang ditinggalkan amat bermanfaat buat manusia. Difahamkan lebah kelulut juga tidak bersengat atau menyengat orang. Eksplorasi diteruskan dengan melihat dengan lebih dekat lagi pokok durian yg ditanam di dalam kawasan tersebut. Ada durian kampung, durian kacukan dan durian lain juga. Kami diingatkan agar tidak berjalan di bawah pokok durian kerana dikuatiri durian akan luruh dan takut terkena kepala. Menikmati buah durian yang enak dan lazat. Mengenali pokok durian yang bagaimana rupa bentuknya, melihat perkembangan buah tersebut membesar di pokok dari putik hingga luruh ke tanah, membuatkan anak-anak ini memahami dengan lebih jelas lagi proses kitaran itu berlaku. Antara pengalaman menarik yang lain ialah memberi makan ikan-ikan di kolam ternakkan serta dapat mendengar ayam dan angsa berbunyi, mengetahui perbezaan antara ayam jantan dan betina serta bermacam-macam lagi. Eksplorasi diteruskan dan anak-anak dikenalkan dengan pokok Asam Gelugur ataupun Asam Keping. Nama saintifiknya ialah *Garcinia Atroviridis*. Anak-anak

diberi peluang untuk merasai sendiri rasa pucuk daun pokok asam gelugur tersebut. Rasanya lemak masam dan ianya amat bagus untuk dibuat ulam. Manakala, buahnya pula, apabila masak, akan dihiris, dijemur, dikeringkan dan akhirnya boleh digunakan dalam pelbagai masakan. Inilah yang dikatakan sekolah alam, di mana anak-anak dapat melihat sendiri kaitan kehidupan mereka dengan alam sekitar. Mereka alaminya sendiri dan rasai nikmat tersebut di depan mata mereka. Ini membuatkan anak-anak berminat untuk mengeksplorasi dengan lebih jauh lagi. Seronok kerana ianya berlaku di luar bilik darjah. Pembelajaran di luar kelas inilah yang dapat mendekatkan anak-anak ini dengan kitaran alam semula jadi dengan diri mereka secara alami. Sesi refleksi, kesan dan pesan di dalam bus semasa perjalanan pulang, dilakukan untuk kami semua membuat islah serta penambahbaikan pada masa yang akan datang. Amat berterima kasih kpd Uncle dan Auntie kerana memberi peluang kepada anak-anak tadika ini merasai eksplorasi ke dusun durian pada kali ini. Satu pengalaman manis yang tidak boleh dilupakan dan pastinya jika diberi peluang untuk datang kembali, banyak lagi aktiviti yg boleh dilakukan. Semoga Uncle dan Auntie dipanjangkan umur, diberikan kesihatan tubuh badan yang baik, dimurahkan rezeki, serta bahagia dunia akhirat. Semoga hubungan silaturrohim, kekeluargaan yang terjalin baik sejak Uncle dan Auntie mengikuti trip "Rarecation ke Switzerland 39" ini akan terus kekal sampai ke akhir hayat. Insya-Allah. Sampai ketemu lagi, Alhamdulillah.-Murobbiah Tadika-

Posted by [Akademi Insan Prihatin](#) on Khamis, 2 Ogos 2018

EKSPLORASI DUSUN DURIAN – SEKOLAH ALAM.

Hujung minggu yg lepas iaitu pada 29 Julai 2018, anak-anak pra sekolah Akademi Insan Prihatin (AIP) telah diberikan peluang untuk menjalani aktiviti eksplorasi ke dusun durian kepunyaan En Anuar dan Puan Noraini, atau lebih mesra di panggil Uncle dan Auntie.

Dusun kepunyaan Uncle dan Auntie ini terletak di Kampung Lubuk Kelubi, Batu 19, Hulu Langat, Selangor. Perjalanan yg mengambil masa lebih kurang 45 minit dari tempat penginapan Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) di Sungai Ramal, Kajang.

Semua anak yg terlibat dalam eksplorasi ke dusun durian ini amat teruja dan gembira kerana ini adalah pengalaman pertama buat mereka.

Ketibaan Bas coaster yang membawa 20 orang anak-anak tadika berserta 3 orang murobbiah dan seorang murobbinya ini disambut mesra oleh Uncle, Auntie serta sanak saudara mereka.

Anak-anak dijamu dengan pelbagai juadah makanan yang telah disediakan termasuk buah durian yang sudah siap dikopek.

Pertama kali menjejakkan kaki ke kawasan dusun yg lebih kurang 5 ekar keluasan keseluruhannya, membuatkan hati kami semua terpegun sebentar. Permandangannya yang sangat cantik, bersih dan nyaman. Di kiri kanananya terdapat pokok-pokok buluh serta daun keladi besar bagi mengindahkannya dekorasi hiasannya membuatnya lebih cantik dan menarik.

Selain pokok durian, terdapat juga pokok buah-buahan lain seperti rambutan, manggis, duku langsung, cempedak dan lain-lain.

Di hujung kawasan dusun tersebut, terdapat beberapa ekor rusa yg dibela di kandangnya. Selain itu, ada juga binatang ternakkan lain seperti ayam, angsa, ternakan ikan talapia merah, ikan keli, udang dan lain-lain lagi.

Anak-anak juga teruja melihat rumah lebah kelulut atau nama saintifiknya Meliponini. Teruja melihat rumah serta sarang yang dibina sendiri oleh komuniti lebah ini. Jangka hayatnya 40 hari dan kemudiannya lebah-lebah tersebut akan mati. Namun hasil madu yang ditinggalkan amat bermanfaat buat manusia. Difahamkan lebah kelulut juga tidak bersengat atau menyengat orang.

Eksplorasi diteruskan dengan melihat dengan lebih dekat lagi pokok durian yg ditanam di dalam kawasan tersebut. Ada durian kampung, durian kacukan dan durian lain juga. Kami diingatkan agar tidak berjalan di bawah pokok durian kerana dikuatiri durian akan luruh dan takut terkena kepala.

Menikmati buah durian yang enak dan lazat. Mengenali pokok durian yang bagaimana rupa bentuknya, melihat perkembangan buah tersebut membesar di pokok dari putik hingga luruh ke tanah, membuatkan anak-anak ini memahami dengan lebih jelas lagi proses kitaran itu berlaku.

Antara pengalaman menarik yang lain ialah memberi makan ikan-ikan di kolam ternakkan serta dapat mendengar ayam dan angsa berbunyi, mengetahui perbezaan antara ayam jantan dan betina serta bermacam-macam lagi.

Eksplorasi diteruskan dan anak-anak dikenalkan dengan pokok Asam Gelugur ataupun Asam Keping. Nama siantifiknya ialah *Garcinia Atroviridis*.

Anak-anak diberi peluang untuk merasai sendiri rasa pucuk daun pokok asam gelugur tersebut. Rasanya lemak masam dan ianya amat bagus untuk dibuat ulam. Manakala, buahnya pula, apabila masak, akan dihiris, dijemur, dikeringkan dan akhirnya boleh digunakan dalam pelbagai masakan.

Inilah yang dikatakan sekolah alam, di mana anak-anak dapat melihat sendiri kaitan kehidupan mereka dengan alam sekitar. Mereka alaminya sendiri dan rasai nikmat tersebut di depan mata mereka.

Ini membuatkan anak-anak berminat untuk mengeksplorasi dengan lebih jauh lagi. Seronok kerana ianya berlaku di luar bilik darjah.

Pembelajaran di luar kelas inilah yang dapat mendekatkan anak-anak ini dengan kitaran alam semula jadi dengan diri mereka secara alami.

Sesi refleksi, kesan dan pesan di dalam bas semasa perjalanan pulang, dilakukan untuk kami semua membuat islah serta penambahbaikan pada masa yang akan datang.

Amat berterima kasih kpd Uncle dan Auntie kerana memberi peluang kepada anak-anak tadika ini merasai eksplorasi ke dusun durian pada kali ini. Satu pengalaman manis yang tidak boleh dilupakan dan pastinya jika diberi peluang untuk datang kembali, banyak lagi aktiviti yg boleh dilakukan.

Semoga Uncle dan Auntie dipanjangkan umur, diberikan kesihatan tubuh badan yang baik, dimurahkan rezeki, serta bahagia dunia akhirat.

Semoga hubungan silaturrohim, kekeluargaan yang terjalin baik sejak Uncle dan Auntie mengikuti trip "Rarecation ke Switzerland 39" ini akan terus kekal sampai ke akhir hayat. Insya-Allah.

Sampai ketemu lagi, Alhamdulillah.

-Murobbiah Tadika-

HANI CALON MEDIC DARI DAPUR RAYA PRIHATIN

HANI – 'CALON MEDIC' DARI DAPUR RAYA PRIHATIN. Kisah Anakanda Nurhani yang tular di akhbar, TV dan media sosial tahun...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Sabtu, 4 Ogos 2018](#)

UNIKNYA SISTEM PENDIDIKAN AIP

Ada pembaca yang forwardkan screenshot ini dan ucapkan tahniah kepada RPWP. .Terima kasih kepada Nur Jannah Keman dan...

Posted by [Warga Prihatin](#) on [Jumaat, 3 Ogos 2018](#)